

# KUTKM Melaka ambil pelajar sulung Jun

Archival News | Berita Harian | 05/01/2001 | Author: Mohd Fuad Razali

INSTITUT pengajian tinggi awam (IPTA) baru, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), yang bakal ditubuhkan di Melaka akan mengambil pelajar kumpulan pertamanya pada Jun ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said berkata, seramai 204 pelajar akan diambil dan ditempatkan di kampus sementara di Melaka.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kawasan kampus sementara, sebaliknya berkata, akan diumumkan kemudian.

"Jumlah ini akan ditambah lagi pada masa akan datang dan kita menjangkakan KUTKM dapat menampung antara 6,000 hingga 7,000 pelajar menjelang 2005," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pendidikan baru-baru ini.

KUTKM adalah antara empat IPTA baru yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sewaktu membentangkan Belanjawan 2001, Oktober lalu.

Sewaktu membentangkannya di Dewan Rakyat, Daim menyebutkan kerajaan akan membina IPTA itu di Melaka. Tiga lagi akan dibina di Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis.

Prof Hassan berkata, KUTKM akan menubuhkan lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Sebagai permulaan, untuk pengambilan Jun tahun depan, KUTKM akan menawarkan tiga program peringkat ijazah pertama iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik, dan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

"Program yang ditawarkan oleh kolej universiti ini lebih menekankan kepada aspek praktikal dan gunaan dengan pengajaran berkonsepkan kemahiran. Ini bertujuan memantapkan aspek kemahiran di kalangan jurutera yang bakal dilahirkan.

"Sehubungan itu, kira-kira 60 peratus daripada program ini berbentuk kemahiran dan selebihnya akademik, berbanding orientasi universiti tradisional kira-kira 70 peratus menekankan aspek akademik," katanya.

Mengulas lanjut mengenai KUTKM, Prof Hassan berkata, penubuhan kolej universiti yang memberi penekanan lebih kepada aspek kemahiran itu mirip kepada fachhochschule atau institut sains terapan di Jerman.

Menurutnya, langkah itu akan menyediakan banyak peluang kepada pelajar aliran teknikal melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi.

"Malah, walaupun pencapaian akademik mereka tidak tinggi, jika mereka mempunyai kemahiran tertentu kita akan berikan pertimbangan," katanya.

Untuk melanjutkan pelajaran di KUTKM, calon hendaklah mendapat kelulusan yang baik dalam satu daripada kelayakan berikut iaitu sama ada Sijil Kemahiran dari institut kemahiran yang diiktiraf, sijil politeknik, matrikulasi atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Calon berminat mengikuti pengajian di KUTKM boleh mengemukakan permohonan mereka menggunakan borang permohonan mengikuti program pengajian lepasan STPM yang boleh diperolehi mulai 8 Januari ini.

Borang berkenaan boleh diperolehi di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) terpilih.

(END) Source : Berita Harian